

MAJLIS PERASMIAN SPA DAN SALUN SEMPENA LAWATAN PUSPANITA KEBANGSAAN KE PENJARA WANITA KAJANG

05 Disember 2008 – Perasmian Spa & Salun Penjara Wanita Kajang telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Puan Sri Noorlina bt. Wan Hussin, Yang DiPertua Puspanita Kebangsaan.

Majlis bermula dengan ketibaan lawatan pada jam 9.00 pagi di Penjara Kajang disambut oleh Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia dan Datin, Ketua-ketua Bahagian Ibu Pejabat Penjara Malaysia, PERSIAP Kajang, PERSIAP SG. Buloh dan PERSIAP IPPM untuk melawat ke Sekolah Integriti Kajang dan seterusnya penyerahan sumbangan buku-buku dan peralatan komputer oleh Persatuan Siswazah Wanita Malaysia dan Kelab Bandar Sunway di Penjara Kajang.

Lawatan seterusnya di bawa ke Penjara Wanita Kajang pada jam 10.30 pagi dan melawat ke *Sick bay*, Taska, Therapeutic Community (TC), bengkel-bengkel seperti Bengkel Jahit, Bengkel Kraftangan dan sebagainya.

Selepas sesi lawatan tersebut, Majlis Perasmian Spa Dan Salun Penjara Wanita Kajang telah dimulakan dengan ucapan dari PKP Zainah bt. Hj Pardi, Pengarah Penjara Wanita Kajang dan seterusnya ucapan perasmian oleh Y. Bhg. Puan Sri Noorlina bt. Wan Hussin.

Majlis diteruskan dengan pertukaran cenderamata dari Jabatan Penjara Malaysia yang telah disampaikan oleh Y. Bhg. Komisioner Penjara Datuk Mustafa b. Osman kepada Y. Bhg. Puan Sri dan ahli Puspanita Kebangsaan. Majlis seterusnya ke Kompleks Penjara Kajang untuk menikmati jamuan makan tengahari dan lawatan berakhir di Geleri Penjara Kajang.



Y. Bhg. Datuk Komisioner Jeneral Penjara turut mengiringi
Y. Bhg. Puan Sri serta delegasi PUSPANITA Kebangsaan
dalam sesi lawatan



Lawatan ke bengkel di Penjara Wanita Kajang



Y. Bhg. Puan Sri Noorlina bt. Wan Hussin, Yang DiPertua Puspanita
Kebangsaan sedang menyampaikan ucapan perasmian



Bertukar cenderahati antara Jabatan Penjara
dan PUSPANITA Kebangsaan